



**SEBAHAGIAN** kakitangan dan mahasiswa bertadarus al-Quran selepas menunaikan solat zuhur bagi mengimarahkan Ramadan di UMP, Kuantan, Pahang, semalam.

## Warga UMP bertadarus

**KUANTAN 9 Jun** - Kira-kira 100 kakitangan dan mahasiswa Universiti Malaysia Pahang (UMP) menyertai majlis tadarus al-Quran yang diadakan selepas solat zuhur bagi mengimarahkan lagi kedatangan bulan Ramadan bermula Isnin lalu.

Pengarah Pusat Islam dan Pembangunan Insan (Pimpin) UMP, Dr. Mahyuddin Ismail berkata, program itu merupakan antara pengisian Festival Ramadan yang diadakan kedua-dua masjid di kampus universiti itu

di Gambang di sini dan Pekan, dekat sini.

“Program ini bertujuan mengajak warga universiti untuk sama-sama menghayati proses belajar membaca al-Quran dalam kumpulan yang ditetapkan.

“Ahli dalam kumpulan boleh membaca al-Quran secara bergilir-gilir dengan pemantauan individu dan rakan lain yang lebih berkeupayaan serta mahir terutama dari segi tajwid,” katanya kepada *Utusan Malaysia* hari ini.